


GERHANA

INFO RINGKAS

Gerhana Bulan

UPSR '16

- Gerhana Bulan berlaku apabila Bumi melindungi Bulan daripada cahaya Matahari. Bayang-bayang Bumi terbentuk di permukaan Bulan.



- Peringkat-peringkat gerhana Bulan:

P: Gerhana Bulan separa dilihat apabila Bulan bergerak dari kawasan gelap separa masuk ke kawasan gelap penuh.

Q: Gerhana Bulan penuh dapat dilihat apabila seluruh bahagian Bulan berada di kawasan gelap penuh. Bulan kelihatan berwarna perang kemerahan.

R: Gerhana Bulan separa dilihat semula apabila Bulan bergerak keluar dari kawasan gelap penuh.



P
gerhana Bulan separa



Q
gerhana Bulan penuh




R
gerhana Bulan separa

- Gerhana Bulan berlaku pada waktu malam apabila Bulan berada pada fasa bulan purnama.
- Tempoh fenomena gerhana Bulan biasanya berlaku sehingga beberapa jam.

Gerhana Matahari

UPSR '16, '18, '19

- Gerhana Matahari berlaku apabila Bulan melindungi Bumi daripada cahaya Matahari sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya.



- Peringkat-peringkat gerhana Matahari:



gerhana Matahari separa

gerhana Matahari penuh

gerhana Matahari separa

- Gerhana Matahari separa boleh dilihat dari kawasan gelap separa. Gerhana Matahari penuh pula boleh dilihat dari kawasan gelap penuh.
- Gerhana Matahari hanya berlaku pada waktu siang apabila Bulan berada pada fasa anak bulan.
- Tempoh fenomena gerhana Matahari biasanya berlaku hanya beberapa minit sahaja.



Gerhana



- Kita patut menggunakan cermin mata khas atau teleskop untuk menyaksikan gerhana Matahari dengan selamat.